

**KELAYAKAN BAGI EJEN CUKAI  
SUBSEKSYEN 153(3) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

---

1. Mempunyai kelulusan seperti di **Jadual Pertama Bahagian I, Akta Akauntan 1967** dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
2. Ahli kepada mana-mana persatuan akauntan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia seperti di bawah **Jadual Pertama Bahagian II, Akta Akauntan 1967** dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas menjadi ahli persatuan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
3. Mempunyai kelulusan akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang perniagaan dan ekonomi daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan lapan (8) tahun pengalaman (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau swasta;
4. Lulus dalam peperiksaan Kursus Lanjutan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan lima (5) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
5. Lulus dalam peperiksaan Kursus Permulaan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan semasa bekerja dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri berpangkat Pemeriksa ke atas serta 10 tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
6. Seseorang yang telah lulus dalam Kursus Ejen Percukaian anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri (Skim Latihan Khas);
7. Ahli kepada Institut Percukaian Malaysia (MIT) dan lima (5) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
8. Ahli kepada The Malaysian Institute Of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas menjadi ahli persatuan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
9. Ahli kepada Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS) yang mempunyai kelulusan akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang undang-undang daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan lima (5) tahun pengalaman (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan kerajaan atau swasta; dan

10. Ahli akademik yang mempunyai lima (5) tahun pengalaman mengajar dalam bidang percukaian di peringkat diploma dan ke atas di mana-mana Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia serta mempunyai syarat kelayakan seperti di **Jadual Pertama Bahagian I dan II Akta Akauntan 1967**.

**KELAYAKAN AKADEMIK**  
**(JADUAL PERTAMA BAHAGIAN I, AKTA AKAUNTAN 1967)**

- a) Diploma Perakaunan, Universiti Malaya;
- b) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya;
- c) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia;
- d) Diploma Lanjutan Perakaunan, Institut Teknologi MARA;
- e) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM);
- f) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia;
- g) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Pertanian Malaysia;
- h) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Putra Malaysia;
- i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa;
- j) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Sains Malaysia;
- k) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)(Teknologi Maklumat) Universiti Utara Malaysia yang program akademiknya bermula sebelum tahun akademik 2002/2003;
- l) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Tenaga Nasional yang program akademik pertamanya bermula dari tahun akademik 2002/2003;
- m) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Multimedia yang program akademik pertamanya bermula dari tahun akademik 2002/2003.

**PERSATUAN YANG DIIKTIRAF  
JADUAL PERTAMA BAHAGIAN II, AKTA AKAUNTAN 1967**

- a) Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA);
- b) Institute of Chartered Accountants of Scotland;
- c) Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- d) Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- e) Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- f) Institute of Chartered Accountants in Australia;
- g) Australian Society of Chartered Accountants;
- h) New Zealand Society of Chartered Accountants;
- i) Canadian Institute of Chartered Accountants;
- j) Institute of Chartered Accountants of India;
- k) Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).

**KELAYAKAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN SETARAF DENGAN IJAZAH  
AM/ LULUS DARI UNIVERSITI TEMPATAN**

- a) Association of International Accountants (AIA), U.K. ;
- b) Institute of Chartered Secretaries and Administrators, U.K.